KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

TEKS UCAPAN
YBHG DATUK WIRA MEGAT ZULKARNAIN BIN TAN SRI OMARDIN,
SETIAUSAHA POLITIK YAB DATO' SERI DIRAJA DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
DI KOMPLEKS LINCAH MAHAGURU OMARDIN (KLMO)
BATU CAVES, SELANGOR.

27 JULAI 2024 (SABTU)

SALUTASI

Terima kasih kepada Saudara Pengacara Majlis,

Yang Berusaha,
Pn Nur' Aishah Binti Md Norodin,
Pengarah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah Negeri PKN Selangor/WP.

Yang Berusaha,
Encik Muhammad Nazirul Zakwan Bin Mohd Sobri,
Penolong Setiausaha,
Bahagian Ekonomi Komuniti,
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah.

Wakil-Wakil Kementerian Jabatan/Agensi,

Para tetamu kehormat,

Seterusnya para hadirin sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun pada hari ini dalam Majlis Perasmian Mini Program Komuniti Desa (PKD) *Mobile* Negeri Selangor bagi Tahun 2024.

2. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih ini juga kepada pihak Jabatan/Agensi yang sudi bekerjasama dan bergabung tenaga dan usaha dalam menjayakan Program ini. Diharapkan penganjuran program ini dapat memberikan info bermanfaat kepada penduduk sekitar.

3. Terima kasih juga ditujukan buat penganjur dan urusetia program yang bertungkus lumus membuat persediaan dan menjayakan bagi Program ini.

PENDAHULUAN

Para hadirin yang dihormati sekalian,

4. Program Komuniti Desa (PKD) Mobile ini adalah satu langkah kanan yang sangat bertepatan dengan usaha kerajaan

mendekatkan perkhidmatan dan menyalurkan maklumat kepada masyarakat desa. Melalui PKD Mobile ini, pihak kerajaan dapat menyalurkan bantuan dan maklumat terus kepada tuan puan melalui perkhidmatan daripada Agensi/Jabatan dan pihak swasta. Berdasarkan Aspirasi Desa Makmur bagi Tahun 2024, program PKD Mobile juga dilihat sebagai salah satu inisiatif tepat dengan mengaplikasikan empat tunjang utama iaitu (D) Data dan Digital, (E) Ekonomi dan Ehsan, (S) Sosial dan Sahsiah dan (A) Akaliah dan alam sekitar. Program PKD-Mobile yang melibatkan agensi kerajaan dan swasta ini dilihat mampu membantu penduduk desa dalam mencapai Aspirasi Desa Makmur dengan lebih efisien dan efektif.

5. Hadirin sekalian,

   Menerusi program ini juga, Aspirasi Desa Madani dilihat turut mampu dicapai dengan cara memperkasa Kemahiran dan Pengetahuan (K) melalui maklumat dan info daripada agensi yang terlibat bersama penduduk desa dalam program PKD-Mobile ini. Selain itu, Keberkesanan dan Kecekapan(K) di dalam Aspirasi Desa Madani juga dapat dijadikan batu loncatan menerusi program ini. Tambahan pula, penekanan aspek Data dan Digital (D) turut menyumbang kepada keberhasilan program PKD-Mobile ini seiring dengan keperluan penduduk desa pada masa kini. Penekanan dalam penghasilan *Wow Factor* turut membantu di dalam pembangunan penduduk setempat dan peningkatan kualiti kehidupan penduduk desa menjadi satu tahap yang lebih baik. Menerusi program ini juga, terdapat pelbagai perkhidmatan penting seperti kesihatan, pendidikan, pembangunan ekonomi dan sosial dapat disampaikan terus kepada penduduk desa.

6. Perkhidmatan kesihatan seperti Medi-Doc dan Medi-Kiosk yang menggunakan teknologi kesihatan dan perkhidmatan internet untuk mengesan tahap kesihatan individu. Saringan kesihatan seperti kadar oksigen darah, tekanan darah dan rekod kesihatan individu yang telah mempunyai sejarah rekod perubatan dapat diakses melalui perkhidmatan kesihatan ini.

7. Dalam konteks pembangunan desa, keupayaan menjana pendapatan turut dijadikan aspek penting dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat desa pada masa kini. Penduduk desa pada masa kini berpeluang mengenal pasti sumber-sumber asas yang berpotensi dikomersialkan bagi meningkatkan sumber ekonomi setempat. Melalui program ini, pembangunan ekonomi dan sosial penduduk desa secara kecil-kecilan melalui produk-produk tempatan seperti kraftangan tradisional, penjualan buah-buahan tempatan mengikut musim, kuih muih dan juga produk sejuk beku berupaya diperluaskan. Sesungguhnya, program PKD-Mobile ini dapat membantu meningkatkan pendapatan penduduk desa sekiranya diusahakan secara konsisten.

8. Hadirin yang dihormati,

   Seiring dengan penerapan nilai ekonomi sosial dalam gerak kerja KKDW, penekanan turut diberikan bagi aspek pendidikan awal, Pendidikan Menengah dan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) untuk memastikan masyarakat desa tidak jauh ketinggalan. Pembangunan ekonomi dan keusahawanan turut menjadi kayu pengukur dalam membina ekonomi yang lebih

berdaya tahan dan dinamik buat penduduk desa melalui program ini.

9. Berdasarkan hala tuju dan KPI yang telah ditetapkan, melalui program ini, terdapat perkhidmatan daripada agensi GiatMARA yang menyediakan kemahiran menukar minyak hitam motorsikal bagi komuniti desa. Selain itu, agensi KEMAS turut menyediakan servis *medi-cure* dengan harga berpatutan kepada pengunjung wanita selain *soft-toys* kepada kanak-kanak sebagai tarikan buat orang ramai. Bagi penggemar barangan kemas, pihak YaPEIM menyediakan kemudahan cucian emas. Manakala JAKOA, kami datangkan khas kepada pengunjung yang berminat dengan kraftangan orang asli, anyaman tikar mengkuang dan sabun herba. Selain itu, agensi MARA juga tidak ketinggalan menyertai pameran ini dengan mengenengahkan info tentang keusahawanan. PERKESO juga turut mengambil tempat sebagai pempamer dengan berkongsi maklumat mengenai Skim Suri Rumah (SSR) dan Skim Bekerja Sendiri (SBR). Kesemua maklumat ini tuan puan boleh mendapatkan maklumat lanjut dan tawaran perkhidmatan yang menarik dengan berkunjung reruai yang telah disediakan.

HARAPAN KERAJAAN

10. Saya percaya, dengan adanya program seperti ini, kekangan atau halangan yang dihadapai sebelum ini dapat diatasi dengan maklumat dan pendedahan yang diterima pada hari ini menerusi Program Mini PKD Mobile ini. Selain itu, ia juga membuka peluang kepada masyarakat untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang

dapat meningkatkan kesejahteraan hidup sesama masyarakat.

11. Bertepatan dengan objektif program ini, marilah kita bersama-sama mengambil peluang untuk memanfaatkan sepenuhnya segala perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan melalui Program Komuniti Desa (PKD) Mobile Negeri Selangor.

12. Saya juga berharap agar program ini dapat dijalankan dengan kerap dan diperluaskan lagi ke kawasan-kawasan lain yang memerlukan.

PENUTUP

13. Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program ini. Semoga usaha murni ini diberkati dan memberikan manfaat yang besar kepada seluruh masyarakat desa.

14. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Program Mini Program Komuniti Desa (PKD) Mobile Negeri Selangor bagi Tahun 2024.

Sekian,
Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum, Warahmatullahi Wabarakatuh.